

# Kebun dalam kampus

22 penuntut UniSZA hias NBOS Neo Garden guna bahan terpakai

NURUL HUDA HUSAIN

GONG BADAK

**S**elepas sebulan mencari dan mengumpul bahan terpakai, kumpulan 22 penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya menghasilkan kebun dalam kampus atau NBOS Neo Garden.

Kebun yang dihasilkan hampir seratus peratus menggunakan bahan buangan itu pastinya menarik perhatian sesiapa sahaja, memandangkan rekaan menarik serta berwarna-warni.

Ketua Projek NBOS Neo Garden, Mohd Asikin Che Ahmad berkata, kira-kira RM1,100 hasil sumbangan



Mohd Asikin kerap ke kebun setiap kali ada waktu terluang.

orang ramai digunakan untuk membeli anak pokok seperti cili, pokok bunga, pokok sawi dan sebagainya.

"Alhamdulillah, sepanjang sebulan kumpulan kami mengumpul bahan-bahan untuk membina

kebun ini, sokongan dan kerjasama baik kita terima daripada pelbagai pihak.

"Hampir keseluruhan peralatan untuk hiasan kebun ini kita gunakan barangan terpakai bagi menjimatkan kos.

"Kita membuka kebun ini kepada sesiapa sahaja untuk datang dan melihat dengan lebih dekat, manakala penjagaan pula dibuat secara bergilir-gilir oleh kumpulan kami," katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui di sini, semalam.



Tayar terbuang turut digunakan sebagai hiasan.




Antara hiasan menarik di kebun dalam kampus itu.



Pokok cili yang telah dikeluarkan hasil.



Sahar (empat, kiri) bersama kumpulan penuntut yang usahakan Projek NBOS Neo Garden.



Menurut Mohd Asikin lagi, projek yang dikenali 'Bantu dan Tular' itu dibuat bagi memenuhi subjek Kesukarelawan Kontemporari, selain ingin menggalakkan lebih ramai berkebun bagi memenuhi waktu lapang.

**Projek 'Bantu dan Tular' berjaya capai matlamat**

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Gunaan UniSZA, Prof Madya Sahar Sa'di Hashim berkata, projek 'Bantu dan Tular' itu diperkenalkan bagi memberi persepsi bahawa perkara tular bukan sahaja melibatkan perkara yang negatif.

"Sebelum ini apabila sebut sahaja perkara tular ia akan melibatkan perkara yang tidak baik, jadi kita ingin cari kelainan dan mengubah minda masyarakat agar tular perkara yang positif pula.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada penuntut-penuntut kita kerana berjaya capai matlamat yang ditetapkan.

"Malah, projek kebun dalam kampus ini merupakan julung kali diadakan dan tanpa sokongan pengurusan universiti ia mungkin sukar untuk direalisasikan," katanya.

Katanya lagi, selain projek NBOS Neo Garden, dua lagi projek turut diadakan serentak iaitu The Meow Park dan Sarong Mayang.